

PETIKAN

“Pengurangan cukai pendapatan individu di Wilayah Pembangunan Iskandar bagi pekerja berpengetahuan memberi pengiktirafan lahirkan pekerja berdaya saing”

Datuk Abdul Ghani Othman
Menteri Besar Johor

“Membela rakyat di semua lapisan terutama golongan miskin tanpa membelakangkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi”

Datuk Ahmad Said
Menteri Besar Terengganu

“Peruntukan besar untuk projek agropolitan di Pitas, Kota Belud dan Kemabong bantu tingkatkan ekonomi rakyat”

Datuk Seri Musa Aman
Ketua Menteri Sabah

Belanjawan rakyat, antara terbaik pernah dibentang

B/H 24/10/2009


Mencakupi semua sektor, lapisan masyarakat: Muhyiddin

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan Bajet 2010 adalah belanjawan rakyat dan antara terbaik yang pernah dibentang kerana mencakupi semua sektor yang membabitkan semua lapisan masyarakat pada peringkat akar umbi.

Timbalan Perdana Menteri yakin belanjawan itu akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi antara enam hingga tujuh peratus dalam tempoh setahun, selain mengurangkan defisit yang kini mencecah tujuh peratus.

Ia juga menjadi asas penting untuk negara membentuk model ekonomi baru berteraskan inovasi dan kreativiti bermula Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) pada tahun depan.

“Perdana Menteri mengambil langkah berani mengadakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh ekonomi negara untuk jangka panjang juga wajar dipuji. Rakyat akan rasa ini adalah belanjawan rakyat kerana mencakupi semua sektor, menyentuh hati nurani semua peringkat sama ada miskin atau tidak, semua akan dapat faedah. “Defisit yang kita lihat kini



NAJIB bersama Muhyiddin selepas pembentangan Bajet 2010 di Dewan Rakyat, semalam.

agak besar iaitu tujuh peratus dan boleh dikurangkan dalam situasi ekonomi yang agak mencabar. Inisiatif yang diambil dalam mengurus belanjawan ini adalah penting dan kita yakin rakyat akan dapat faedah,” katanya.

Muhyiddin berkata belanjawan itu akan memberi ruang kepada usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara de-

kembang pada tahun depan. “Ekonomi akan lebih cerah dengan kadar pertumbuhan positif tiga peratus berbanding negatif tiga peratus yang kita lihat hari ini. “Ini juga akan memberi ruang kepada rakyat yang bekerja untuk menambah pendapatan boleh guna umpamanya menerusi pemberian tunai RM1,000 di samping ke-

sebahagian dasar atau sistem pendidikan negara.

Di samping itu, kementerian akan memastikan murid Tahun Tiga dapat menguasai bidang literasi dan numerasi 3M iaitu membaca, menulis dan mengira serta mewujudkan sekolah berprestasi tinggi.

“Sebanyak 20 sekolah berprestasi tinggi dilaksanakan

PETIKAN

“Memberi tumpuan mensejahterakan rakyat dan seiring dasar kerajaan negeri menerusi dasar Jaringan Keselamatan Sosial yang mementingkan golongan kurang bernasib baik di negeri ini”

Datuk Seri Mohamad Hasan
Menteri Besar Negeri Sembilan

“Peruntukan besar dalam bidang pendidikan, pertanian, infrastruktur dan kesihatan mencerminkan keprihatinan Perdana Menteri membela rakyat”

Datuk Seri Mohd Ali Rustam
Ketua Menteri Melaka

“Pengumuman peruntukan khusus untuk subsidi serta insentif sektor tani akan menjadi suntikan

ngan lebih cepat menerusi projek rangsangan dan usaha meningkatkan pelaburan yang memberi peluang pekerjaan kepada lebih ramai rakyat.

Beliau menjangkakan dengan pelbagai inisiatif termasuk pelaburan dalam bidang infrastruktur di bandar dan luar bandar akan membolehkan ekonomi terus ber-

lompok tertentu yang menerima subsidi termasuk sektor pertanian," katanya.

Muhyiddin berkata empat komponen kecil Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) atau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) juga akan diberi tumpuan terutama dalam bidang pendidikan pra-sekolah yang akan menjadi

tahap depan dan kita akan tingkatkan sampai 100 sekolah. Begitu juga perjanjian baru untuk guru besar dan pengetua yang meningkatkan keupayaan pada peringkat sekolah akan dinilai dan diberikan insentif apabila mencapai tahap cemerlang bagi menghargai jasa mereka," katanya.

menjadi suntingan terbaik kepada rakyat Perlis, terutama dalam meningkatkan taraf ekonomi"

**Datuk Seri
Dr Md Isa Sabu**
Menteri Besar Perlis

INFO

Klinik 1Malaysia

■ Kerajaan akan memperkenalkan perkhidmatan kesihatan klinik komuniti yang dinamakan Klinik 1Malaysia di kawasan bandar, seperti klinik desa di luar bandar membabitkan peruntukan sebanyak RM10 juta. Klinik akan ditempatkan di kawasan perumahan dengan menyewa rumah kedai untuk memudahkan masyarakat setempat mendapat rawatan sakit biasa seperti demam, batuk dan selesema yang dikendalikan pembantu pegawai perubatan dan dibuka setiap hari dari jam 10 pagi hingga 10 malam. Sebagai permulaan, sebanyak 50 klinik dibuka di kawasan terpilih. Kerajaan turut memperuntukkan RM14.8 bilion bagi mengurus, membina dan menaik taraf kemudahan hospital dan klinik di Kluang, Tampoi, Bera, Shah Alam dan Alor Gajah.

Bon 1Malaysia basmi kemiskinan

■ RM3 bilion disediakan untuk Bon 1Malaysia atau Sukuk 1Malaysia dengan tarikh matang tiga tahun dengan kadar pulangan sebanyak lima peratus. Ia bagi menggalakkan pelaburan tambahan untuk membasmi kemiskinan bagi membolehkan individu berumur lebih 21 tahun membuat pelaburan minimum RM1,000 dan maksimum RM50,000. Kerajaan juga akan membangunkan hartanah wakaf di seluruh negara dengan inisiatif bernilai RM20 juta bagi meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam. Ia akan dilaksanakan untuk projek pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan ummah terutama projek ekonomi kecil yang membawa impak besar kepada rakyat. Usaha akan dilaksanakan menerusi Yayasan Waqaf Malaysia melalui pembinaan kedai wakaf rakyat di kawasan masjid terpilih dan bazar peniaga kecil untuk orang ramai, termasuk asnaf.

“Peruntukan RM30 bilion untuk pendidikan termasuk pembangunan prasarana, menunjukkan kerajaan sedar hanya dengan pendidikan masalah kemiskinan rakyat dapat diselesaikan dengan berkesan”

**Datuk Seri Dr
Zambry Abdul Kadir**
Menteri Besar Perak